

Bahagian A
[60 markah]Jawab **semua** soalan

- 1 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan satu ciri faktor pengeluaran.

Unit yang menggabung dan menyelaraskan faktor-faktor pengeluaran dalam ekonomi

Jelaskan faktor pengeluaran tersebut.

[4 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan satu ciri sistem ekonomi bagi Negara A.

Individu mempunyai kebebasan sepenuhnya dalam menikmati pelbagai pilihan ke atas barang dan perkhidmatan.

- (i) Nyatakan sistem ekonomi negara tersebut.

[1 markah]

- (ii) Jelaskan kekurangan sistem ekonomi tersebut.

[4 markah]


- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan satu penentu permintaan.

Puan Liza menambahkan pembelian barang X apabila harga barang Y meningkat.

Jelaskan hubungan antara kedua-dua barang tersebut.

[4 markah]

- (d) Rajah 1 menunjukkan keluk penawaran bagi keanjalan sesuatu barang.



Rajah 1

- (i) Tafsirkan keluk tersebut.

[3 markah]

- (ii) Terangkan faktor yang mempengaruhi keanjalan harga penawaran barang tersebut.

[4 markah]

- 2 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan pinjaman bank perdagangan.

Encik Syawal seorang pemilik pasaraya KK bercadang mengeluarkan wang sebanyak RM20 000 di bank perdagangan bagi tujuan menambah stok modal pasarayanya. Namun wang dalam akaun semasanya hanya berjumlah RM12 000.

- (i) Tentukan jenis pinjaman yang sesuai untuk membiayai perniagaan Encik Syawal.

[1 markah]

- (ii) Selain daripada jenis pinjaman di 2(a)(i), terangkan jenis pinjaman lain yang ditawarkan oleh bank perdagangan.

[4 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pekerjaan.

Usia muda bukan penghalang buat seorang remaja berusia 19, Muhammad Iqmal Haikal Ab Mueei dari Kampung Banggol menceburkan diri dalam bidang pertanian apabila menjadi peserta program tanaman ubi vitato secara berkelompok di Kampung Banggol di sini.

Ubahsuai: <https://www.sinarharian.com.my>, 6 September 2021

- (i) Jelaskan sektor ekonomi yang terlibat dalam petikan tersebut.

[2 markah]

(ii) Mengapakah kerjaya di 2(b)(i) menjadi pilihan?

[3 markah]

- (c) Encik Danish telah memulakan perusahaan ternakan kambing setelah meletak jawatan sebagai juruteknik kilang dengan gaji bulanan sebanyak RM1800. Beliau memulakan perusahaan ternakan kambing dengan wang simpanan di bank RM10 000 dengan kadar faedah 4% setahun. Butiran hasil dan kos untuk perusahaan ternakan kambing adalah seperti berikut:

Kambing	RM3 000
Makanan kambing	RM3 000
Peralatan	RM1 000
Sewa tapak	RM2 000
Jumlah hasil	RM20 000

Berdasarkan maklumat hitungkan:

(i) Jumlah untung ekonomi Encik Danish.

[2 markah]

- (ii) Setujukah anda dengan keputusan Encik Danish meletak jawatan dalam situasi tersebut?
Kemukakan alasan anda.

[4 markah]

- (d) Terangkan dua input dalam pengeluaran jangka pendek.

[4 markah]

- 3 (a) Terangkan peranan kerajaan sebagai pengeluar.

[4 markah]

- (b) Jelaskan konsep pengangguran geseran.

[4 markah]

- (c) Terangkan **dua** kepentingan pelaburan langsung asing kepada ekonomi.

[4 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan dengan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) berbanding Dollar Amerika Syarikat (USD) bagi tahun 2022.

Bulan	Kadar Pertukaran Asing
Februari	1 USD = RM 4.1780
Ogos	1 USD = RM 4.4740

- (i) Pada bulan Februari, Malaysia mengimport sebanyak USD 20 000.00 daripada Amerika Syarikat dan mengeksport barang bernilai RM 250 000.00 kepada Amerika Syarikat pada bulan Ogos. Hitungkan nilai eksport dalam sebutan Dollar Amerika Syarikat (USD) dan nilai import dalam sebutan Ringgit Malaysia (RM).

[4 markah]

- (iii) Jelaskan kesan perubahan nilai Ringgit Malaysia (RM) dalam tempoh tersebut ke atasimbangan dagangan Malaysia.

[4 markah]

BAHAGIAN B
[40 markah]

*Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.
Tulis jawapan pada kertas yang disediakan.*

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan satu keputusan kerajaan dalam ekonomi.

KUALA LUMPUR: Kerajaan memutuskan harga ayam di pasaran negara tidak akan diapungkan kerana harga siling akan diumumkan.

Tindakan itu menunjukkan keprihatinan kerajaan supaya rakyat tidak dibebani tekanan berpunca kenaikan kos sara hidup ketika ini.

Ubahsuai : Berita Harian, 24 Jun 2022

- (a) Terangkan ciri-ciri sistem ekonomi negara tersebut. [6 markah]
- (b) Mengapakah kerajaan membuat keputusan tersebut? [5 markah]
- (c) Keputusan yang ditentukan oleh kerajaan itu lebih menguntungkan pengguna.

Bersetujukah anda dengan pernyataan di atas?
Kemukakan hujah anda.

[9 markah]

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan satu bentuk urusan dalam ekonomi.

Kuala Lumpur: Meskipun ia bukanlah rahsia lagi bagi sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) terkesan akibat pandemik Covid-19 dan disusuli Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac lepas, namun banyak PKS berjaya bertahan dengan mengendalikan perniagaan mereka dalam talian.

Malahan dalam tempoh sebulan selepas PKP dikuatkuasakan pada 18 Mac tahun lepas, aktiviti perniagaan dalam talian meningkat 28.9 peratus, demikian menurut laporan berita.

Banyak PKS termasuk restoran, kedai runcit, pasar raya dan peniaga menawarkan pelbagai jenis barangan dan perkhidmatan kepada pengguna, yang boleh diperoleh menerusi dalam talian yang membolehkan mereka akses kepada pasaran yang lebih besar dan luas.

Sumber : <https://www.hmetro.com.my>, 29 Mei 2021

- (a) Jelaskan jenis pendapatan yang diperoleh dengan urusan tersebut. [4 markah]
- (b) Dengan bantuan rajah, jelaskan kesan urusan tersebut terhadap pasaran barang. [7 markah]
- (c) Saluran perniagaan ini turut membantu meningkatkan imej ekonomi negara ini. Jelaskan. [9 markah]

6 Maklumat berikut berkaitan dengan inisiatif yang ditawarkan kepada penjawat awam .

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan bayaran Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) tambahan khas sebanyak RM100 untuk penjawat awam bagi gred 11 hingga 56.

Pengumuman itu bakal dimanfaatkan seramai 1.28 juta penjawat awam dengan implikasi kewangan sebanyak RM1.5 bilion.

"Bayaran KGT itu merupakan antara enam inisiatif ditawarkan kepada penjawat awam," katanya dalam ucapan Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-18 (MAPPA XVIII) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), pada Selasa.

Sumber: Sinar Harian, 30 Ogos 2022

- (a) Jelaskan konsep unit ekonomi yang terlibat. [5 markah]
- (b) Ramalkan impak inisiatif tersebut terhadap penjawat awam. [6 markah]
- (c) Inisiatif yang ditawarkan kepada penjawat awam ini akan memberikan kesan kepada ekonomi Malaysia.

Bersetujukah anda dengan pernyataan di atas?
Kemukakan alasan anda.

[9 markah]

7 Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan.

Projek Laluan Rel Pantai Timur dijangka beroperasi Januari 2027

KUALA LUMPUR: Perkhidmatan kereta api projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dijangka mula beroperasi seawal 1 Januari 2027 dan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi wilayah itu serta negara bagi tempoh beberapa dekad akan datang.

Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Abdul Rahim Bakri berkata projek ECRL yang dijadualkan siap pada akhir 2026, akan menghubungkan negeri-negeri Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang serta Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Putrajaya dengan Lembah Klang.

Sumber : www.bharian.com.my, 22 Julai 2020

- (a) Huraikan jenis perbelanjaan kerajaan yang terlibat dalam petikan di atas. [5 markah]
- (b) Projek kerajaan ini dijangka memberi impak ekonomi kepada negara. [9 markah]
Bincangkan .
- (c) Jelaskan kos sosial yang timbul kesan daripada projek ini. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

[illegible]

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

[illegible]